

PERMASALAHAN YANG MEMPENGARUHI PEMBELAJARAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR BUMIPUTERA (TINGKATAN 4) DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI JOHOR BAHRU

AZIZI YAHAYA

Shahrin Hashim

MOHAMAD HASAN BIN OMAR

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Skudai Johor

RAJA ROSLAN RAJA ABD RAHMAN

IPTK, UTeM

rajaroslan@utem.edu.my

ABSTRAK: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui permasalahan yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar bumiputera tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik di Johor Bahru. Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik Perdagangan dan Sekolah Menengah Teknik Tanjong Puteri. Kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan melibatkan seramai 150 orang responden. Kaedah persampelan yang digunakan ialah sampel tidak rawak bertujuan. Kajian rintis telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti terhadap 30 orang responden, dan nilai *alpha cronbach* adalah 0.87. Data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*). Kolerasi Pearson, Anova, Peratus, Min, Sisihan Piawai dan Ujian-t telah digunakan untuk menguji persoalan-persoalan kajian. Hasil kajian menunjukkan masalah disiplin adalah masalah yang paling dominan diikuti masalah rakan sebaya dan masalah keluarga yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar bumiputera. Walaupun begitu, kesemua masalah di dapati tiada hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik kecuali masalah disiplin. Kajian juga mendapati tahap pencapaian pelajar adalah pada tahap rendah. Kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin mengikut jantina dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dikalangan pelajar bumiputera dengan tahap pendidikan ibu bapa. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan sebagai tindakan susulan.

Abstract: The objective of this research is to determine the factors that influenced academic achievements among bumiputra students in four technical schools in Johor Bahru. This research was conducted in Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik Perdagangan dan Sekolah Menengah Teknik Tanjong Puteri. This research has utilized questionnaires as research instrument involving 150 respondents. The sampling method used in this research is purposive not random. A pilot study was carried out to determine the internal consistency of the questionnaire involving 30 respondents of Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti, resulting to an alpha cronbach value of 0.87. All the accumulated data was processed using SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) software. The Pearson Correlation and T-test was used to test the research questions. The results show that discipline is the main dominant influence of academic achievements among the students. This is followed by peers and family problems. The research found that all factor shows no significant relation with academic achievement except for discipline problem. The research also found that the level of students academic achievement is low. This research found that there is no significant difference between peers, discipline and family problem towards gender and parents academic level. Based on the findings of this research, some suggestions for some areas has been made for future research.

Katakunci: masalah, pembelajaran, pencapaian akademik, pelajar

1.1 Pengenalan

Kewibawaan kemanusiaan tidak boleh dibangunkan secara menyeluruh menggunakan program pembangunan formal semata-mata. Pernyataan ini dibuktikan lagi dengan kecemerlangan kognitif atau kecemerlangan akademik tidak menjamin kecemerlangan pemikiran, sosial, keagamaan dan emosi seseorang. Kewajaran hakikat ini dalam proses pembangunan kemanusiaan ditegaskan oleh pakar pendidik melalui teori seperti The Theory of Multiple Intelligence (Howard Gardner, 1989) dan Emotional Intelligence (Daniel Goleman, 1999).

Hasrat arah tuju pembentukan masyarakat bumiputra sejak beberapa dekad yang lalu telah melalui proses perubahan yang agak drastik. Antara usaha dari segi pembentukan kerangka pemikiran masyarakat terhadap budaya

hidup orang melayu yang paling terpengaruh ialah Gagasan Melayu Baru yang dihebahkan beberapa waktu dahulu telah dinilai sebagai satu usaha bagi pembudayaan semula masyarakat melayu.

Idea utama yang berkembang antaranya ialah, umat melayu memerlukan kepada persediaan moral dan ketahanan nilai yang tinggi berhadapan dengan perubahan zaman yang mencabar. Ia bererti, umat melayu hanya setanding dengan bangsa atau umat yang lain, sekiranya persaingan dan daya kreativiti yang tinggi. (Berita Harian, 27.7.1999).

Masyarakat bumiputera dahulunya mementingkan kepakaran yang diwarisi turun temurun daripada nenek moyang mereka. Mereka meneruskan pekerjaan tersebut tanpa memikirkan tentang kemajuan yang akan lebih memudahkan pekerjaan mereka. Dengan ini ilmu kepakaran dan keyakinan disamping faktor sokongan boleh menyelamatkan bangsa dan negara daripada jauh ketinggalan dalam bidang pembangunan, khususnya dalam bidang sains dan teknologi di dalam era teknologi maklumat (IT). Menurut Muhyuddin Yassin faktor terpenting yang berfungsi dalam memastikan kejayaan sesebuah negara pada era teknologi maklumat dan era baru ialah kemampuan rakyat menguasai dan menggunakan sains dan teknologi secara kreatif dan inovatif (Utusan Malaysia, 19.4.2000).

Bilangan Sekolah Menengah Teknik dan sekolah vanekular yang menerapkan kemahiran telah bertambah di Malaysia sekaligus ianya akan dapat melahirkan sejumlah besar masyarakat bumiputera yang berpengetahuan di dalam bidang teknologi dan tanpa membelakangi pengetahuan yang lainnya. Ianya juga dapat mengurangkan bilangan masyarakat bumiputera yang mundur dalam kehidupan. Ini adalah kerana dengan adanya kemahiran yang diperolehi diperingkat persekolahan dan dapat dimanfaatkan sesudah tamat pengajiannya.

Menurut Dr Awang Had, sungguhpun kerajaan telah menyediakan tempat kepada pelajar melayu dengan menetapkan kuota kemasukan pelajar baru ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), diharap dengan adanya kuota ini dapat mengimbangi kemasukan pelajar bukan bumiputera ke IPTA. Pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pelajar bukan melayu masih menyaingi pelajar bukan melayu. Ini kerana pelajar bumiputera tidak serius belajar yang mana mereka banyak menumpukan pada kegiatan luar (Berita Harian, 27.7.1999).

Pelajar bumiputera lupa bahawa mereka bukan lagi sentiasa mendapat pembelaan daripada kerajaan, mereka perlu bekerja keras untuk berada setanding dan tidak terpinggir dengan kaum dan bangsa yang lain di Malaysia.

Kita tidak mahu kaum bumiputera terus terpinggir walaupun usaha kita menjadikan Malaysia negara maju tercapai. Perkara ini perlu disedari dari awal lagi. Ini mungkin kerana terdapat faktor yang menyatakan pelajar bumiputera tidak pandai mengambil peluang yang disediakan oleh kerajaan dan tidak memiliki sifat daya saing di dalam diri mereka. Kebanyakan pelajar Melayu masih dihanyuti budaya yang mementingkan keseronokan daripada pelajaran yang menjamin keseronokan yang berpanjangan apabila memperolehinya (Berita Harian, 24.3.1999)

Langkah Kementerian Pendidikan memperkenalkan sistem terbuka bagi Sijil Pelajaran Malaysia / Vokasional, untuk membantu pelajar yang lemah iaitu mereka diberi peluang memilih mata pelajaran yang mampu diikuti oleh mereka. Adakah ini mampu mengatasi masalah yang membelenggu pelajar bumiputera?. Hanya kesedaran di dalam diri sahaja yang dapat membantu pelajar bumiputera.

2.0 Pernyataan Masalah

Permasalahan tentang pencapaian akademik pelajar bumiputera sering diperkatakan oleh pemimpin politik, tokoh-tokoh akademik serta masyarakat. Ianya dapat dilihat daripada permasalahan yang boleh dikatakan sudah mencapai ke tahap yang membimbangkan. Ianya dilihat daripada bermacam-macam gejala yang tidak sihat berlaku disebabkan oleh remaja atau pelajar. Masalah seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin merupakan antara masalah paling dominan yang mempengaruhi pembelajaran dikalangan bumiputera. Masalah ini akan mempengaruhi proses pembelajaran mereka jika ianya tidak dikawal. Permasalahan ini dilihat pada peringkat menengah kerana ianya adalah untuk mempersiapkan pelajar keperingkat yang lebih tinggi. Ianya memerlukan pergabungan tenaga dalam membendung masalah ini.

3.0 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengetahui masalah yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputera.
2. Untuk mengetahui tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar bumiputera.
3. Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera.
4. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputera mengikut jantina.

5. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputera dengan tahap pendidikan ibu bapa.

4.0 Persoalan Kajian

Secara am, kajian ini direka bentuk untuk melihat aspek-aspek yang menyumbang ke arah permasalahan dominan yang mempengaruhi pencapaian pelajar iaitu ponteng kelas dan sekolah, budaya melepak, vandalisme dan pergaduhan antara pelajar di sekolah-sekolah teknik di negeri Johor. Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah masalah yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputera?
2. Apakah tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar bumiputera?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dikalangan pelajar bumiputera mengikut jantina?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dikalangan pelajar bumiputera dengan taraf pendidikan ibu bapa?

5.0 Hipotesis

- H₀1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera.
- H₀1.1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera.
- H₀1.2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah rakan sebaya dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera.
- H₀1.3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera.
- H₀2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin berdasarkan pencapaian pelajar bumiputera mengikut jantina.
- H₀2.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga mengikut jantina.
- H₀2.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah rakan sebaya mengikut jantina.
- H₀2.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah disiplin mengikut jantina.
- H₀3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dengan taraf pendidikan ibu bapa.
- H₀3.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga dengan taraf pendidikan ibu bapa.
- H₀3.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah rakan sebaya dengan taraf pendidikan ibu bapa.
- H₀3.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah disiplin dengan taraf pendidikan ibu bapa.

6.0 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini banyak memberi manfaat bagi menghadapi masalah yang membelenggu pelajar Melayu di dalam pembelajaran mereka. Kajian ini juga dapat mengetahui sejauh mana perkembangan pencapaian akademik di kalangan pelajar bumiputera terhadap pembelajaran mereka pada peringkat menengah atas amnya. Kajian ini banyak memberi panduan kepada pihak-pihak yang tertentu di dalam meneliti kelemahan serta memperbaikinya. Ianya adalah untuk:

Memberi panduan yang berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyusun semula kurikulum dan perancangan pendidikan agar mewujudkan sekolah yang selamat dan berkesan.

Memberi panduan kepada pihak sekolah untuk memperbaiki atau mengatur semula program di sekolah dan pemantapan pelajar bagi mengatasi permasalahan pencapaian akademik di dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar.

Membantu pentadbiran sekolah memberi tumpuan terhadap pemupukan nilai-nilai murni di kalangan pelajar supaya mereka dapat menerima struktur peraturan sekolah sebagai panduan baik di dalam kawasan sekolah mahupun di luar kawasan sekolah.

Bagi ibu-bapa, panduan ini berguna kepada mereka untuk mengawal tingkah laku dan memperbaiki hubungan mereka dengan anak-anak mereka supaya dapat memberi impak yang positif pada masa yang akan datang.

Dengan ini adalah diharapkan sekolah akan menjadi tempat yang selamat dan berkesan untuk mengikuti pendidikan dan sekaligus melahirkan generasi akan datang yang unggul dan berwawasan.

7.0 Batasan Kajian

Penyelidikan ini tertumpu kepada masalah yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar bumiputera di sekolah menengah teknik. Oleh itu, penyelidik telah memilih beberapa buah sekolah teknik di daerah Johor Bahru untuk kajian ini. Sekolah-sekolah teknik yang dipilih merupakan sekolah yang majoritinya pelajar bumiputera dan sering mempunyai masalah di dalam pencapaian akademik khususnya dari kalangan pelajar bumiputera.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat yang telah menduduki peperiksaan pertengahan tahun di sekolah masing-masing. Pelajar-pelajar terlibat juga terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

Jumlah pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak 150 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar di sekolah menengah teknik di daerah Johor Bahru. Sampel kajian ini dipilih secara rawak iaitu secara persampelan rawak kelompok.

8.0 Metodologi

Menurut Azizi et al. (2002), rekabentuk kajian adalah teknik dan kaedah tertentu untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan tinjauan soal selidik. Secara umumnya, kajian ini lebih tertumpu kepada permasalahan yang mempengaruhi pencapaian akademik di kalangan pelajar bumiputera di beberapa buah sekolah menengah teknik di daerah Johor Bahru, Johor

Bahagian ini akan membincangkan reka bentuk kajian yang bersifat eks-pos-fakto iaitu melihat punca dan akibat sesuatu perlakuan masa kini berdasarkan peristiwa yang telah berlaku dan bersifat kuantitatif. Data yang diperolehi berdasarkan rekod atau item yang ditandakan oleh responden dalam soal selidik. Hubungan antara masalah yang paling dominan pelajar dengan pencapaian akademik pelajar dilihat dengan menggunakan statistik kolerasi.

9.0 Analisis Kajian

a. Jantina Responden

Jadual 1: Taburan bilangan dan peratus responden mengikut jantina

	Bilangan	Peratus
Lelaki	75	50.0
Perempuan	75	50.0
Jumlah	150	100.0

Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 150 orang telah dipilih untuk kajian ini dan daripada jumlah ini didapati seramai 75 orang (50.0 peratus) terdiri daripada lelaki dan perempuan.

b. Pendidikan Ibu Bapa Responden

Jadual 2: Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pendidikan ibu bapa

Pendidikan ibu bapa	Bilangan	Peratus
Sekolah rendah	9	6.0
Sekolah Menengah Rendah	61	40.7
Sekolah Menengah Atas	64	42.7
Kolej/Universiti	16	10.7
Jumlah	150	100.0

Jadual 2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pendidikan ibu bapa. Hasil daripada kajian ini didapati seramai 9 orang (6.0 peratus) pendidikan ibu bapa dari Sekolah Rendah, seramai 61 orang (40.7 peratus) pendidikan ibu bapa dari Sekolah Menengah Rendah. Bagi pendidikan ibu bapa dari Sekolah Menengah Atas pula terdiri dari seramai 64 orang (42.7 peratus) dan pendidikan ibu bapa dari Kolej atau Universiti adalah seramai 16 orang (10.7 peratus).

c. Tahap Akademik Responden

Jadual 3 : Pembahagian markat mengikut tahap bagi pencapaian akademik

	Tahap	Gred	Markat
1	Rendah	E hingga D	1.00 hingga 2.99
2	Sederhana	C	3.00 hingga 3.99
3	Tinggi	B hingga A	4.00 hingga 5.00

Jadual 4 : Taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi pencapaian akademik

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	136	90.7
Sederhana	14	9.3
Tinggi	0	0

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi pencapaian akademik. Majoriti responden berada pada tahap rendah dengan 90.7 peratus yang mewakili 136 orang responden. 9.3 peratus iaitu 14 orang responden berada pada tahap sederhana dan tiada responden berada pada tahap tinggi.

d. Masalah Keluarga

Jadual 5: Taburan responden mengikut peratusan, min, dan sisihan piawai bagi masalah keluarga (n=150)

	Kenyataan	ATS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	AS (%)	Min	Sp
1	Masalah keluarga saya menyebabkan saya tidak boleh belajar	8.0	23.3	22.0	21.3	25.3	3.3267	1.29789
2	Sikap tidak mengambil berat ibu bapa saya menyebabkan pencapaian akademik saya merosot	10.7	22.0	18.7	26.0	22.7	3.2800	1.32158
7	Perasaan tidak bahagia bersama keluarga menyebabkan pembelajaran dan pencapaian akademik merosot	8.0	23.3	20.0	23.3	25.3	3.3467	1.30042
8	Ibu bapa saya sering memilih kasih kepada adik beradik saya lain	11.3	20.7	18.0	25.3	24.7	3.3133	1.34682
13	Ibu bapa saya tidak mempunyai banyak masa bersama	10.7	22.0	18.7	26.0	22.7	3.2800	1.32158
14	Ibu bapa saya tidak mengambil	9.3	26.7	20.0	22.0	22.0	3.2067	1.30716

	Kenyataan	ATS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	AS (%)	Min	Sp
	berat pelajaran saya							
19	Ketidakteraturan bersama ibu bapa saya di rumah mengganggu pencapaian akademik saya	11.3	24.7	17.3	24.0	22.7	3.2200	1.34549
20	Ibu bapa saya selalu bekerja syiff yang berlainan menyebabkan pembelajaran dan pencapaian akademik merosot	8.7	24.0	16.0	26.7	24.7	3.3467	1.31581
25	Ibu bapa saya tidak mengambil tahu siapa kawan saya	9.3	26.7	20.0	22.0	22.0	3.2067	1.30716
26	Ibu bapa saya sering bergaduh menyebabkan pembelajaran saya terganggu	10.7	28.0	20.7	20.0	20.7	3.1200	1.31547

Min keseluruhan: 3.265 Sisihan piawai:1.3158

Jadual 5 menunjukkan peratusan responden yang menjawab setiap item masalah keluarga. Dapatan menunjukkan min yang tertinggi ialah item 7 dengan kenyataan “ Perasaan tidak bahagia bersama keluarga menyebabkan pencapaian akademik saya merosot” dengan skor min 3.3467. Sebanyak 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 23 orang responden menjawab setuju.

Min kedua yang tertinggi ialah pada item 20 dengan kenyataan “Ibu bapa saya selalu bekerja syiff yang berlainan menyebabkan pencapaian akademik saya merosot” dengan skor min 3.3467 dimana sebanyak 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 27 orang responden menjawab setuju.

Bagi item 1 dengan pernyataan “ Masalah keluarga saya menyebabkan saya tidak boleh belajar” dengan skor min 3.3267 berada ditempat ketiga tertinggi. Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 21 orang responden menjawab setuju.

Item 8 dengan skor min 3.3133 dengan pernyataan “Ibu bapa saya sering memilih kasih kepada adik beradik saya yang lain” berada ditempat keempat tertinggi. Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 25 orang responden menjawab setuju.

Pernyataan pada item 2 iaitu “Sikap tidak mengambil berat ibu bapa saya menyebabkan pencapaian akademik saya merosot” dengan skor min 3.2800 berada di tempat kelima tertinggi. Seramai 23 orang responden menjawab sangat setuju dan 26 orang responden menjawab setuju.

Pada keseluruhannya persepsi pelajar terhadap masalah keluarga berada di tahap sederhana dengan skor min 3.265.

Jadual 6 :Taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi masalah keluarga

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	7	4.7
Sederhana	103	68.7
Tinggi	40	26.7

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi masalah keluarga. Dapat diperhatikan terdapat 40 orang responden berada pada tahap yang tertinggi dengan 26.7 peratus dan majoriti responden iaitu seramai 103 orang responden dengan peratusan 68.7 peratus berada di tahap sederhana. Baki responden iaitu seramai tujuh orang responden berada pada tahap rendah dengan peratusan 4.7 peratus.

e. Masalah Rakan Sebaya

Jadual 7 : Taburan responden mengikut peratusan, min, dan sisihan piawai bagi masalah rakan sebaya (n=150)

	Kenyataan	ATS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	AS (%)	Min	Sp
3	Tidak ada rakan yang ingin kawan dengan saya	10.0	23.3	20.7	21.3	24.7	3.2733	1.33057
4	Saya benci berkawan kerana pernah ditipu	10.7	22.0	18.7	26.0	22.7	3.2800	1.32158
9	Rakan memujuk saya supaya menghisap rokok	10.7	23.3	20.7	21.3	24.0	3.2467	1.33581
10	Rakan mengajak saya ponteng sekolah	9.3	22.0	17.3	25.3	26.0	3.3667	1.32815
15	Saya suka bermain dengan rakan sekolah	10.7	28.0	20.7	20.0	20.7	3.1200	1.31547
16	Saya malu untuk berkawan dengan rakan	10.7	22.0	15.3	29.3	22.7	3.3133	1.32673
21	Rakan tidak suka membantu saya	11.3	23.3	18.7	24.0	22.7	3.2333	1.33822
22	Rakan suka membuli saya	12.0	27.3	20.0	20.0	20.7	3.1000	1.33487
27	Saya takut ke sekolah kerana ramai tidak sukakan saya	10.7	21.3	18.7	22.7	26.7	3.3333	1.35442
28	Saya suka menyendiri daripada berkawan	11.3	22.0	16.0	25.3	25.3	3.3133	1.36168

Min keseluruhan: 3.288 Sishan piawai:1.36168

Jadual 7 menunjukkan peratusan responden menjawab setiap item masalah rakan sebaya. Dapatan menunjukkan skor min tertinggi adalah 3.3667 bagi pernyataan “Rakan mengajak saya ponteng sekolah” pada item 10. Seramai 26 orang responden menjawab sangat setuju dan 25 orang responden menjawab setuju.

Item ke 27 mencatatkan bacaan min kedua tertinggi dengan skor 3.3333 bagi pernyataan “Saya takut ke sekolah kerana ramai tidak sukakan saya”. Seramai 28 orang menjawab sangat setuju dan 23 orang menjawab setuju.

Bacaan min ketiga tertinggi adalah pada item ke 4 dengan pernyataan “ Saya benci berkawan kerana pernah ditipu”. Seramai 23 orang responden menjawab sangat setuju dan 26 orang responden menjawab setuju.

Min keempat tertinggi adalah pada item ke 28 dengan skor sebanyak 3.3133 dengan pernyataan “Saya suka menyendiri daripada berkawan”. Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 25 orang responden menjawab setuju.

Bagi pernyataan “Rakan tidak suka membantu saya “ pada item ke 21 adalah min kelima tertinggi dengan skor min 3.2333. Seramai 23 orang responden menjawab sangat setuju dan 24 orang responden menjawab setuju.

Pada keseluruhannya persepsi pelajar terhadap masalah rakan sebaya berada di tahap sederhana dengan skor min 3.288.

Jadual 8 : Taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi masalah rakan sebaya

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	20	13.3
Sederhana	84	56.0
Tinggi	46	30.7

Jadual 8 menunjukkan taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi masalah rakan sebaya. Dapat diperhatikan terdapat 46 orang responden berada pada tahap yang tertinggi dengan 30.7 peratus dan majoriti responden iaitu seramai 84 orang responden dengan peratusan 56.0 peratus berada di tahap sederhana. Baki responden iaitu seramai 20 orang responden berada pada tahap rendah dengan peratusan 13.3 peratus.

f. Masalah Disiplin

Jadual 9 : Taburan responden mengikut peratusan, min, dan sisihan piawai bagi masalah disiplin (n=150)

	Kenyataan	ATS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	AS (%)	Min	Sp
5	Saya merokok apabila berada di sekolah	7.3	24.0	18.0	26.7	24.0	3.3600	1.28115
6	Saya ponteng sekolah kerana bosan dengan belajar	20.7	25.3	19.3	16.7	18.0	2.8600	1.40005
11	Saya datang lewat kerana sengaja	10.7	28.0	20.7	20.0	20.7	3.1200	1.31547
12	Saya akan balik awal kerana mengikut kawan	8.0	23.3	20.0	23.3	25.3	3.3467	1.30042
17	Saya melawan guru apabila ditegur	9.3	23.3	21.3	20.7	25.3	3.2933	1.32375
18	Saya merosakkan harta benda sekolah kerana didenda oleh guru	9.3	20.7	16.0	26.0	28.0	3.4267	1.33787
23	Saya akan melepak di kawasan sekolah apabila guru mengajar di dalam kelas	8.7	22.7	20.0	23.3	25.3	3.3400	1.30990
24	Saya melepak di pusat hiburan apabila ponteng dari sekolah	10.7	22.0	18.7	26.0	22.7	3.2800	1.32158
29	Saya suka untuk menyertai gang di sekolah.	11.3	24.7	17.3	24.0	22.7	3.2200	1.34549
30	Saya bergaduh antara atau sesama kaum kerana terjebak dalam gangsterisme	11.4	26.7	15.3	22.7	20.7	3.0800	1.38312

Min keseluruhan: 3.289 Sishan piawai:1.34549

Jadual 9 menunjukkan peratusan responden menjawab setiap item masalah disiplin. Dapatan menunjukkan skor min tertinggi adalah 3.4267 bagi pernyataan “Saya merosakkan harta benda di sekolah kerana didenda guru” pada item 18. Seramai 28 orang responden menjawab sangat setuju dan 26 orang responden menjawab setuju.

Item ke 5 mencatatkan bacaan min kedua tertinggi dengan skor 3.3600 bagi pernyataan “Saya merokok apabila berada di sekolah”. Seramai 24 orang menjawab sangat setuju dan 27 orang menjawab setuju.

Bacaan min ketiga tertinggi adalah pada item ke 12 dengan skor 3.3467 bagi pernyataan “ Saya akan balik awal kerana mengikut kawan”. Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 23 orang responden menjawab setuju.

Min keempat tertinggi adalah pada item ke 17 dengan skor sebanyak 3.2933 dengan pernyataan “Saya melawan guru apabila ditegur”. Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 21 orang responden menjawab setuju.

Bagi pernyataan “Saya suka menyertai gang di sekolah “ pada item ke 29 adalah min kelima tertinggi dengan skor min 3.2200. Seramai 23 orang responden menjawab sangat setuju dan 24 orang responden menjawab setuju.

Pada keseluruhannya persepsi pelajar terhadap masalah rakan sebaya berada di tahap sederhana dengan skor min 3.289.

Jadual 10 : Taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi masalah disiplin

Tahap	Frekuensi	Peratus
Rendah	11	7.3
Sederhana	105	70.0
Tinggi	34	22.7

Jadual 10 menunjukkan taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi masalah disiplin. Dapat diperhatikan terdapat 34 orang responden berada pada tahap yang tertinggi dengan 30.7 peratus dan majoriti responden iaitu seramai 105 orang responden dengan peratusan 70.0 peratus berada di tahap sederhana. Baki responden iaitu seramai 11 orang responden berada pada tahap rendah dengan peratusan 7.3 peratus.

10.0 Menguji Hipotesis Kajian

Hipotesis nol 1 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin mengikut jantina

Hipotesis nol 1.1 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga mengikut jantina

Jadual 11 : Analisis ujian-t berdasarkan masalah keluarga berdasarkan jantina

	Bil	Min	SP	Ujian-t	p
Lelaki	75	3.27	0.52	-0.57	0.572
Perempuan	75	3.33	0.63		

**Signifikan pada aras signifikan $\alpha \leq 0.05$*

Jadual 11 menunjukkan keputusan kajian masalah keluarga berdasarkan jantina. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga berdasarkan jantina. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.572 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Nilai 'p' ini adalah tinggi untuk menunjukkan sebarang kecerendungan ke arah yang signifikan. Daripada dapatan tersebut, kita boleh menerima hipotesis nol 1.1 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga berdasarkan jantina.

Hipotesis nol 1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah rakan sebaya mengikut jantina

Jadual 12 : Analisis ujian-t berdasarkan masalah rakan sebaya berdasarkan jantina

	Bil	Min	SP	Ujian-t	p
Lelaki	75	3.16	0.82	-1.392	0.166
Perempuan	75	3.35	0.90		

**Signifikan pada aras signifikan $\alpha \leq 0.05$*

Jadual 12 menunjukkan keputusan kajian masalah rakan sebaya berdasarkan jantina. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah rakan sebaya berdasarkan jantina. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.166 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Nilai 'p' ini adalah tinggi untuk menunjukkan sebarang kecerendungan ke arah yang signifikan. Daripada dapatan tersebut, kita boleh menerima hipotesis 1.2 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah rakan sebaya berdasarkan jantina.

Hipotesis nol 1.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah disiplin mengikut jantina

Jadual 13 : Analisis ujian-t berdasarkan masalah disiplin berdasarkan jantina

	Bil	Min	SP	Ujian-t	p
Lelaki	75	3.19	0.53	-0.828	0.409
Perempuan	75	3.27	0.59		

**Signifikan pada aras signifikan $\alpha \leq 0.05$*

Jadual 13 menunjukkan keputusan kajian masalah disiplin berdasarkan jantina. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah disiplin berdasarkan jantina. Nilai 'p' yang diperolehi ialah 0.409 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Nilai 'p' ini adalah tinggi untuk menunjukkan sebarang kecerendungan ke arah yang signifikan. Daripada dapatan tersebut, kita boleh menerima hipotesis nol 1.3 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah disiplin berdasarkan jantina.

Hipotesis nol 2 : Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputera dengan tahap pendidikan ibu bapa

Hipotesis nol 2.1 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga dengan tahap pendidikan ibu bapa

Jadual 14 : Anova sehala perbandingan masalah keluarga berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa

	Df	Min	F	Signifikan, P
Antara Kumpulan	3	0.537	1.646	0.181
Dalam Kumpulan	146	0.326		

**Signifikan pada aras sagnifikan $\alpha \leq 0.05$*

Berdasarkan jadual 14 Anova sehala, analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaaan yang signifikan antara masalah keluarga berdasarkan pendidikan ibu bapa. Nilai 'P' yang diperolehi ialah 0.181, manakala aras sagnifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Nilai 'P' adalah tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga berdasarkan pendidikan ibu bapa. Oleh kerana dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan di antara masalah keluarga berdasarkan pendidikan ibu bapa, maka kita boleh menerima hipotesis nol 2.1

Hipotesis nol 2.2 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah rakan sebaya dengan tahap pendidikan ibu bapa

Jadual 15: Anova sehala perbandingan masalah rakan sebaya berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa

	Df	Min	F	Signifikan, P
Antara Kumpulan	3	1.420	1.935	0.126
Dalam Kumpulan	146	0.734		

**Signifikan pada aras sagnifikan $\alpha \leq 0.05$*

Berdasarkan jadual 15 Anova sehala, analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaaan yang signifikan antara masalah rakan sebaya berdasarkan pendidikan ibu bapa. Nilai 'P' yang diperolehi ialah 0.126, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Nilai 'P' adalah tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah rakan sebaya berdasarkan pendidikan ibu bapa. Oleh kerana dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan di antara masalah rakan sebaya berdasarkan pendidikan ibu bapa, maka kita boleh menerima hipotesis nol 2.2

Hipotesis nol 2.3 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah disiplin dengan tahap pendidikan ibu bapa

Jadual 16 : Anova sehala perbandingan masalah disiplin berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa

	Df	Min	F	Signifikan, P
Antara Kumpulan	3	0.902	2.976	0.304
Dalam Kumpulan	146	0.303		

**Signifikan pada aras sagnifikan $\alpha \leq 0.05$*

Berdasarkan jadual 16 Anova sehala, analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaaan yang signifikan antara masalah disiplin berdasarkan pendidikan ibu bapa. Nilai 'P' yang diperolehi ialah 0.304, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Nilai 'P' adalah tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah disiplin berdasarkan pendidikan ibu bapa. Oleh kerana dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan di antara masalah disiplin berdasarkan pendidikan ibu bapa, maka kita boleh menerima hipotesis nol 2.3

Hipotesis nol 3.3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera

Hipotesis nol 3.1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera

Jadual 17 : Analisis hubungan kolerasi antara masalah keluarga dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera

Pencapaian akademik pelajar bumiputera	Signifikan, P	Pearson, r
Masalah keluarga	0.118	0.128

**Signifikan pada aras signifikan $\alpha \leq 0.05$*

Jadual 17 menunjukkan hubungan kolerasi antara masalah keluarga dengan pencapaian akademik. Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa kekuatan perhubungan antara masalah keluarga dengan akademik pelajar bumiputera adalah sangat lemah dengan nilai 'r' yang diperolehi ialah 0.128. Nilai 'P' yang diperolehi ialah 0.118, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Nilai 'P' adalah tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera dan hipotesis nol 3.1 diterima.

Hipotesis nol 3.2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah rakan sebaya dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera

Jadual 18 : Analisis hubungan kolerasi antara masalah rakan sebaya dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera

Pencapaian akademik pelajar bumiputera	Signifikan, P	Pearson, r
Masalah rakan sebaya	0.154	0.117

**Signifikan pada aras signifikan $\alpha \leq 0.05$*

Jadual 18 menunjukkan hubungan kolerasi antara masalah rakan sebaya dengan pencapaian akademik. Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa kekuatan perhubungan antara masalah rakan sebaya dengan akademik pelajar bumiputera adalah sangat lemah dengan nilai 'r' yang diperolehi ialah 0.117. Nilai 'P' yang diperolehi ialah 0.154, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Nilai 'P' adalah tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah rakan sebaya dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera dan hipotesis nol.3.2 diterima.

Hipotesis nol 3.3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera

Jadual 19 : Analisis hubungan kolerasi antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera

Pencapaian akademik pelajar bumiputera	Signifikan, P	Pearson, r
Masalah disiplin	0.045	0.164

**Signifikan pada aras signifikan $\alpha \leq 0.05$*

Jadual 19 menunjukkan hubungan kolerasi antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik. Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa kekuatan perhubungan antara masalah disiplin dengan akademik pelajar bumiputera adalah sangat lemah dengan nilai 'r' yang diperolehi ialah 0.164. Nilai 'P' yang diperolehi ialah 0.045, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Nilai 'P' adalah rendah untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera dan hipotesis nol 3.3 ditolak.

11.0 Cadangan

a Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya memberi penekanan dalam memantau sekolah-sekolah yang bermasalah. Kajian dan penyelidikan ke atas permasalahan yang dominan iaitu masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin secara berterusan antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pihak sekolah seharusnya dilakukan secara lebih kerap kerana fenomena pelajar bermasalah ini akan mengakibatkan institusi pendidikan di Malaysia menjadi lemah. Melalui kajian dan penyelidikan keatas permasalahan yang dominan tersebut kemungkinan besar Kementerian Pendidikan Malaysia dapat membantu pelajar meningkatkan mutu pembelajaran dan tahap pencapaian akademik secara optimum.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga perlu mengkaji hukuman dan tindakan yang dikenakan kepada pelajar bermasalah di sekolah. Ini kerana pelajar di sekolah sekarang memiliki masalah disiplin yang membimbangkan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar. Dengan mengkaji bentuk hukuman yang memberi kesan yang lebih jitu dalam diri pelajar, masalah disiplin dapat dikawal secara berkesan dan membolehkan pencapaian akademik pelajar berada pada tahap yang membanggakan.

Penyusunan semula kurikulum dan perancangan pendidikan agar mewujudkan sekolah yang selamat dan berkesan haruslah dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini kerana berdasarkan dapatan kajian, didapati masalah disiplin diikuti masalah rakan sebaya dan masalah keluarga merupakan permasalahan yang paling dominan. Dengan melakukan penyusunan semula kurikulum dan perancangan pendidikan yang menekankan kepada aspek permasalahan yang paling dominan tersebut membolehkan pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar berada pada tahap yang optimum.

b Cadangan Kepada Pihak Sekolah

Pihak sekolah turut memainkan peranan penting dalam membantu menangani dan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah. Masalah yang serius seperti masalah disiplin haruslah diberi penekanan supaya perkara ini dapat dikawal memandangkan masalah disiplin adalah masalah yang paling dominan yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, pihak sekolah seharusnya memberi penekanan dalam bentuk memberi motivasi kepada pelajar yang bermasalah, menguatkuasakan undang-undang sekolah dan melancarkan kempen cintai dan sayangi sekolah.

Guru juga perlu memberi tunjuk ajar yang lebih sistematik disamping memberi tauladan kepada pelajar dalam membentuk jati diri pelajar. Penerapan nilai-nilai murni dan penekanan dalam aspek sahsiah dapat mengurangkan dan mengawal masalah disiplin kerana masalah disiplin mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Penekanan ini akan memberi impak kepada pihak sekolah sekaligus pihak sekolah memperolehi pelajar yang cemerlang.

Dalam konteks hubungan pihak sekolah dengan waris atau ibu bapa pelajar, semestinya pihak sekolah menjalin hubungan dengan seakrab yang mungkin. Perkara ini perlu bagi pihak sekolah supaya dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar dengan ibu bapa mereka. Dengan mengadakan kekerapan perjumpaan dengan pihak sekolah dan ibu bapa, pencapaian akademik pelajar dapat dibincangkan dan pihak sekolah dapat menyalurkan maklumat kepada ibu bapa dalam menangani permasalahan pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar. Program-program yang sesuai untuk melibatkan diri ibu bapa supaya dekat dengan pelajar haruslah dipelbagaikan oleh pihak sekolah. Antara aktiviti yang sesuai ialah program lawatan ke sekolah, lawatan keluarga ke kelas pelajar dan program motivasi untuk ibu bapa.

Bagi konteks rakan sebaya pula, pihak sekolah seharusnya memberi penekanan dalam membentuk keperihatinan pelajar terhadap rakan mereka sendiri. Program seperti Kelab Rakan Sebaya seharusnya diperhebatkan disetiap sekolah dengan diserapkan guru-guru kelas sebagai mentor kepada ahli-ahli kelab tersebut. Masalah rakan sebaya dapat diatasi dengan penubuhan kelab atau persatuan yang melibatkan usaha membangunkan keyakinan kepada rakan sebaya sekaligus dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

c Cadangan Kepada Ibu Bapa

Masalah keluarga tidak mempunyai hubungan dengan masalah akademik pelajar. Ini menandakan pelajar-pelajar ini berdikari dalam menentukan pencapaian akademik mereka. Tetapi harus diingat bahawa mereka masih memerlukan sokongan moral dan fizikal daripada ibu bapa mereka.

Majoriti pelajar menyatakan bahawa mereka tidak bahagia bersama keluarga menyebabkan pembelajaran dan pencapaian akademik mereka merosot. Ibu bapa seharusnya memberi kebahagiaan kepada mereka dengan meluangkan masa, memberi sokongan moral dan fizikal kepada mereka. Sokongan fizikal yang sedia ada banyak

membantu pelajar antaranya prihatin dengan markah, kemudahan pembelajaran, dan kelengkapan belajar di rumah. Ibu bapa seharusnya meluangkan lebih masa berbanding hanya menyediakan kelengkapan belajar semata-mata.

Bagi ibu bapa yang bekerja syif yang berlainan, ibu bapa disarankan untuk meluangkan lebih masa mereka pada hari cuti minggu bersama dengan anak mereka kerana anak-anak memerlukan perhatian yang lebih dan di samping itu juga ibu bapa dapat mengenali anak mereka dengan lebih mendalam. Ibu bapa boleh melakukan aktiviti yang berfaedah dengan anak mereka dengan melakukan aktiviti luar seperti aktiviti riadah, bersukan dan sebagainya.

Ibu bapa juga perlu mengawal masalah yang dihadapi mereka dan tidak meluahkan perasaan di hadapan anak mereka kerana secara tidak langsung menyebabkan anak mereka terlibat dalam masalah yang dihadapi. Ibu bapa juga perlu mencari jalan penyelesaian menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka contohnya dengan membuat perbincangan bersama pasangan dan tidak membawa balik masalah di tempat kerja ke rumah.

Sikap memilih kasih antara anak-anak haruslah dikikis kerana ia akan mempengaruhi emosi anak sekaligus mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik mereka. Sehubungan dengan itu, ibu bapa disarankan supaya mengamalkan sikap yang lebih adil terhadap anak-anak mereka bukan sahaja dalam bentuk material tetapi dalam bentuk kasih sayang juga.

Rujukan

- Abbas (1990). Masalah Yang Mempengaruhi Budaya Pembelajaran di Sekolah Berasrama Penuh. Tesis Ijazah Sarjana Muda : Tidak Diterbitkan.
- Ahmad Hj. Salleh (1980). Disiplin Sekolah. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Albert Bandura (1977). Social Learning Theory. Eagle Wood Cliff, New Jersey : Prentice Hall.
- Albert Bandura (1986). Social Foundations Of Thoughts and Actions. A Social Cognitive Theory. Eaglewood Cliff, New Jersey : Prentice Hall.
- Atan Long (1988). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh (1996). Pemikir. Masyarakat Melayu Dalam Pendidikan Dan Sosiobudaya. 8-45.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Brown W.F Holzman W.H (1984). A Study – Attitudes Questionnaire For Predicting Academis Succes. Journal Of Education Psychology 48, vol 75- 84.
- Burt, Cyril (1969). The backward Child (4th ed). London : University of London Press.
- Ch'ng Chwee Lye (1976). A Comparative Study of The Self Consept of Delinquent and Non-Derlinquent Adolescents. Universiti Malaya, Kuala Lumpur : Jurnal Pendidikan, Jld. VI Oktober 1976.
- Clote N, schochet I (1986). Alternatives to The Behavioral Technical Conception of Study Skill. Higher Education 15, m.s 252-258.
- Crow and Crow (1983). Psikologi Pendidikan Untuk perguruan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Daniel Goleman (1999). Emotional Intelligence. New York : Aplleton Century Crofts.
- Fakrurrazi (2000). Masalah Rakan Sebaya Pada Usia Remaja di Sekolah Berasrama Penuh. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia : Tidak diterbitkan.
- Habibah Elias (1997). Psikologi Personaliti. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Halimatus (1999). Masalah Keluarga Dalam Masyarakat Islam. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Howerd Gardner (1989). The Theory of Multiple Intelligence. New York : Norton.
- Hussein Mahmood (1993). Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah. Kuala Lumpur : DBP
- Rozumah Bahrudin (21.8.2001). Keluarga Pengaruhi Prestasi Akademik Pelajar. Berita Harian, m.s 16.
- Samsudin A. Rahim dan Iran Herman (1993). Budaya Lepak : Satu Kajian Awal di Bandaraya Kuala Lumpur. Laporan Kajian Untuk Kementerian Belia dan Sukan.
- Shaifudin Bin Haji Masduki (1997). Motivasi, Komitmen dan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. Universiti Utara Malaysia : www.asig.uum.edu.my/research/e-thesis/p_pondidikan.cfm
- Siti Rahimah (2000). Pengaruh Status Sosioekonomi Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Beris Kubor Besar, Kelantan. Satu Tinjauan. Tesis Ijazah Sarjana Muda : Tidak Diterbitkan.
- Skinner, B.F. (1938). The Behaviourism of Organism. New York : Appleton Century Crofts.